

Stenil -

File

Ucapan : ADHO
545

164/80

Ucapan Menteri Pelajaran Malaysia,
Y.B. Enche' Hussein Onn di-Majlis
Pembukaan Kejohanan/Majlis Sukan Sekolah2
Malaysia Perengkat Antara Bangsa di-
Stadium Larkin, Johor Bahru pada 28hb.
Julai, 1972 jam 2.30 petang.

Terlebeh dahulu saya ingin menguchapkan
berbanyak2 terima kaseh kepada ahli2 jawatankuasa
kejohanan olahraga Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia
Perengkat Antara Bangsa kerana menjemput saya untuk
membuka dengan rasmi-nya kejohanan ini bagi tahun 1972.

2. Saya di-fahamkan bahawa ini ia-lah kali yang
ketiga Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia mengadakan
pertandingan olahraga di-perengkat antara bangsa.
Kali pertama ia-lah dalam tahun 1968 di-Kedah di-mana
dua buah negara telah mengambil bahagian ia-itu Malaysia
dan Singapura. Pertandingan yang kedua telah di-adakan
dalam tahun 1970 di-Ipoh, Perak di-mana tiga buah
negara ia-itu Malaysia, Singapura dan Thailand telah
mengambil bahagian. Pada tahun ini sungguh pun hanya

dua buah negara yang mengambil bahagian ia-itu Malaysia dan Singapura tetapi saya perchaya pertandingan yang akan di-langsungkan selama dua hari ini tidak akan kurang hebat dan meriah-nya saperti yang pernah di-adakan pada masa yang sudah2. Saya yakin dengan azam yang kuat serta semangat yang bersungguh2 dari peserta2 sekalian kejayaan yang lebeh besar akan terchapai dalam perjumpaan olahraga kali ini.

3. Saperti yang tuan2 ketahui penubohan Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia telah di-lancharkan dalam bulan April, 1968. Dalam usia-nya yang sabegitu muda, majlis ini telah pun dapat menganjorkan beberapa kegiatan sukan olahraga di-bidang antara bangsa. Hal ini ada-lah salaras dengan chita2 yang terkandung dalam tujuan untok menubuhkan majlis ini yang antara lain-nya ia-lah mengelola dan menjalankan aktiviti2 permainan dan sukan Majlis Sukan Sekolah2 di-perengkat antara bangsa. Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia pada masa ini sedang bergiat

dalam menggalak, memaju, memelihara dan mengator aktiviti2 sukan sekolah2 di-Malaysia. Pertandingan perengkat antara bangsa tidak-lah terhad kepada olahraga tetapi juga meliputi lapangan2 permainan lain. Kesanggupan Majlis Sukan Sekolah2 Johor mengelolakan olahraga antara bangsa pada tahun ini ada-lah satu perkara yang dapat di-banggakan dan di-ucapkan ^{Satunggai talunial.} ~~shabas~~.

4. Ada-lah menjadi hasrat dan chita2 kita dalam pertandingan sa-umpama ini untuk merapatkan lagi ikatan muhibbah antara kita dengan jiran tetangga kita. Saperti yang tuan2 maalom sukan boleh memainkan peranan yang penting dalam menimbulkan serta memupok semangat muhibbah. Melalui sukan para peserta sekalian akan dapat bergaul serta berkenalan dan beramah mesra antara satu sama lain. Dalam pergaulan tuan2 itu akan timbul-lah semangat tolak ansor kesabaran serta kejujoran. Sa-lain daripada itu faktor2 yang penting dalam sukan saperti mematchi undang2 dan memelihara semangat kesukanan yang

tinggi akan dapat di-perkokohkan lagi. Pepatah Melayu yang berbunyi "Tak kenal maka tak cinta" boleh di-jadikan asas untuk memupok semangat muhibbah di-kalangan negara2 jiran. Murid2 yang berada di-bangku sekolah sekarang ini bukan sahaja mesti mengenal rakan sejawat mereka dalam negara mereka sendiri malah perlu juga memahami serta mengenal rakan2 sabaya mereka dari negara2 lain terutama sekali dari negara2 jiran tetangga. Walau pun ada ranchangan2 seperti lawatan muhibbah yang di-adakan dari samasa ka-samasa, tetapi tidak-lah dapat di-nafikan bahawa kegiatan2 sukan ada-lah satu chara yang paling berkesan dan sesuai sekali untuk menjalin rasa persefahaman dan saling mengerti, dengan syarat peserta2 yang mengambil bahagian berdisiplin dan patuh serta ta'at kepada undang2 yang telah di-tetapkan.

5. Jika kita meneliti taraf penchapaian ahli2 sukan kedua2 negara dalam bidang olahraga di-pertandingan2

antara bangsa seperti olimpiik maka sudah tidak dapat di-nafikan lagi kita maseh jauh tinggal di-belakang. Ini merupakan satu chabaran kapada olahragawan dan olahragawati seperti peserta2 yang mempunyai banyak peluang untok menchapai kejayaan dalam arena sukan dunia antara bangsa di-mana peserta2 dari negara2 yang telah maju turut bertanding. Untok menchapai kejayaan di-perengkat tersebut perlu-lah ada chita2 dan semangat yang tinggi di-samping pengorbanan dan latehan yang akan memakan masa yang lama. Ada-lah di-harapkan bahawa pertandingan2 yang sa-umpama ini akan membuka jalan ka-arrah meninggikan lagi taraf penchapaian ahli2 sukan di-kedua2 buah negara ini.

6. Pada masa ini sebanyak 8 buah negara di-rantau ini ia-itu Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand, Vietnam, Khmer Repablik, Laos dan Singapura telah pun bergabung dalam satu gabongan yang di-namakan

SEAMEO atau Gabongan Menteri² Pelajaran Negara² Asia Tenggara. Tugas besar penubohan gabongan ini di-samping merapatkan perhubungan di-antara negara² sa-rantau ia-lah untok memperbaiki serta meninggikan lagi bidang pelajaran di-negara² tersebut. Oleh sebab sukan ada-lah merupakan bahagian yang penting dalam bidang pendidekan ada-lah di-rasakan perlu supaya kegiatan² gabongan ini di-perluaskan meliputi bidang sukan. Peserta² yang mengambil bahagian dari perengkat sekolah² di-rantau ini akan berpeluang bertemu dan berkenalan di-antara satu sama lain di-samping memperbaiki lagi taraf kechapaian mereka itu dalam bidang olahraga. Dengan chara ini mutu olahraga akan dapat di-tinggikan dan dapat menandingi negara² yang lebeh maju. Ini akan merupakan satu langkah yang konkrit untok memaju serta meninggikan kegiatan² olahraga di-perengkat sekolah² di-rantau ini.

7. Kapada pegawai2 dan peserta2 dari Singapura yang mengambil bahagian dalam kejohanan ini saya suka mengalu2kan kedatangan mereka semua dan di-harap selama dua hari ini akan berpeluang bukan sahaja mengambil bahagian dalam kejohanan ini tetapi menikmati sambutan mesra pehak tuan rumah.

8. Saya juga suka hendak menyatakan penghargaan dan terima kaseh saya kapada pehak Sharikat Caltex yang telah sekali lagi menderma untok menolong membiayai kejohanan ini.

9. Sekarang saya dengan segala sukachita-nya mengishtiharkan kejohanan olahraga anjoran MaJlis Sokan Sekolah2 Malaysia Perengkat Antara Bangsa ~~ini~~ di-buka dengan rasmi-nya.



